

Dewan Rakyat kenang penderitaan ratusan ribu kanak-kanak Gaza

Johari berucap sempena Hari Kanak-Kanak Sedunia sebelum sesi pertanyaan

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur: Bersempena sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia semalam, Dewan Rakyat mengenang penderitaan ratusan ribu kanak-kanak di Gaza yang masih bergelut dengan konflik perang.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul, berkata pada masa ini seluruh dunia begitu terkesan dengan perang Palestin-Israel yang semakin me-

runcing dan sudah memasuki hari ke-45.

“Sehingga hari ini, lebih 700,000 kanak-kanak di Gaza kehilangan tempat tinggal, lebih 4,600 kehilangan nyawa dan hampir 9,000 lagi cedera.

“Marilah kita mendoakan agar semua kanak-kanak khususnya yang berada di Gaza diberikan perlindungan daripada sebarang bentuk kezaliman,” katanya sebelum sesi pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat bermula semalam.

Lindungi hak kanak-kanak

Johari berkata, tarikh semalam penting untuk semua pihak memperbaharui tekad melindungi hak kanak-kanak berdasarkan Konvensyen Hak Kanak-kanak pada 1995 terutama berkaitan dengan hak kanak-kanak iaitu kelangsungan hidup, perlindungan, pembangunan serta penyertaan kanak-kanak.

“Ahli Yang Berhormat, marilah bersama-sama kita lindungi kanak-kanak agar mereka membesar dalam keadaan yang sejahtera, selamat dan sihat.

“Justeru, saya mengingatkan bukan saja kepada Ahli Yang Berhormat, malah kepada semua pemegang amanah termasuk ibu bapa, penjaga, pendidik, sektor korporat dan awam serta masyarakat seluruhnya agar sentiasa menjayakan tanggungjawab dalam memastikan mereka dapat membesar bebas daripada diskriminasi, keganasan dan eksploitasi dalam suasana yang selamat dan sejahtera.

“Selamat Hari Kanak-Kanak Sedunia saya ucapkan,” katanya.

Sempena memperingati golongan itu, Parlimen Malaysia mengambil inisiatif menganjurkan pameran Hari Kanak-Kanak Sedunia di lobi utama bermula jam 11 pagi, manakala sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia diadakan di Foyer Parlimen pada jam 1 tengah hari semalam.

Sementara itu, berucap pada program sambutan Hari Kanak-kanak 2023 di blok utama Parlimen, Johari berkata, di bawah bidang kuasa perundangan, Dewan Rakyat turut berperanan memastikan agenda memperkasakan hak kanak-kanak dikekalkan.

Menurutnya, beliau percaya bahawa apa jua inisiatif yang dilaksanakan untuk memanfaatkan kanak-kanak adalah satu pelaburan yang bijak memandangkan

kan mereka bakal menerajui kepimpinan negara.

“Parlimen Malaysia komited dalam memastikan hak kanak-kanak dilindungi melalui penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat yang bertindak sebagai mekanisme semak dan imbang serta mata dan telinga rakyat dalam memantau pelaksanaan dasar serta program kerajaan.

“Malah, kita juga sudah menubuhkan Parlimen Belia yang akan memilih belia dari usia 16 tahun dan tahun depan, kita akan mengadakan Parlimen Belia dengan 222 wakil belia akan bersidang serta membincangkan isu negara,” katanya.

Johari berkata selaku Yang Dipertua Dewan Rakyat, beliau akan mengingatkan ahli Parlimen untuk memohon bajet lebih besar bagi kanak-kanak untuk tahun mendatang.



Johari Abdul

e-Invois perkasa sistem percukaian negara

Kerajaan berhasrat melaksanakan e-Invois secara berperingkat bagi meningkatkan kecekapan pengurusan pentadbiran percukaian negara dalam usaha menyokong pertumbuhan ekonomi digital.

Pelaksanaan ini selaras dengan strategi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), di mana fokus diberikan kepada pengukuhan infrastruktur perkhidmatan digital dan pendigitalan pentadbiran cukai.

Melalui transformasi digital dalam pentadbiran percukaian, pelaksanaan e-Invois adalah antara satu inisiatif dalam meningkatkan kecekapan, ketelusan dan kawalan pengurusan cukai serta kewangan.

e-Invois adalah representasi dalam bentuk digital bagi transaksi dilaksanakan antara penjual dan pembeli bagi menggantikan penggunaan dokumen kertas atau elektronik seperti dalam format pdf, jpeg, doc dan lain-lain.

Ia mengandungi maklumat penting yang sama seperti dokumen tradisional seperti butiran penjual dan pembeli, keterangan item, kuantiti, harga tanpa cukai, cukai dan jumlah keseluruhan yang merekodkan data transaksi untuk operasi perniagaan harian.

e-Invois sudah diperkenalkan di beberapa negara lain sejak 2001 termasuk Chile, Brazil, Mexico, Denmark, Itali, Perancis, Arab Saudi, Mesir, Korea Selatan, Singapura, China dan lain-lain.

Selari pendigitalan, pentadbir

percukaian di seluruh dunia sedang beralih ke arah e-Invois bagi pematuhan cukai terutama *Centralised Clearance Model*, iaitu model *Continuous Transaction Control* (CTC) memandangkan kesahihan data invois disahkan sebelum dikeluarkan kepada pembeli.

Dijangka lebih daripada 13 negara seperti Belgium, Jerman, Denmark, Bahrain, Oman, dan lain-lain akan memperkenalkan *Clearance Model* menjelang 2027.


e-Invois di Malaysia

Pelaksanaannya di Malaysia membabitkan pengeluaran invois bagi transaksi perniagaan yang dilakukan antara perniagaan dengan perniagaan, perniagaan dengan kerajaan dan perniagaan dengan pelanggan.

Pelaksanaan e-Invois ini bukan sahaja membabitkan transaksi tempatan, malah turut membabitkan transaksi perniagaan luar negara.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) terus komited mengatur strategi dalam memperkasakan agenda pembangunan dan pelaksanaan e-Invois dengan menambah baik dokumentasi panduan dan rujukan pembayar cukai meliputi Garis Panduan Umum e-Invois (Versi 2.1) dan Garis Panduan Spesifik e-Invois (Versi 1.1).

Garis Panduan Umum e-Invois (Versi 2.1) mengandungi maklumat tambahan umum sudah dikemas kini berhubung pelaksanaan inisiatif e-Invois, manakala



Garis Panduan Spesifik e-Invois (Versi 1.1) menerangkan secara khusus bagi transaksi tertentu seperti transaksi membabitkan pembeli, penyata atau bil disediakan secara berkala, pengeluaran dan bayaran balik serta perkuisit dan manfaat pekerja.

Garis Panduan Spesifik ini turut menerangkan mengenai sebahagian perbelanjaan oleh pekerja bagi majikan, pengeluaran e-Invois bil sendiri dan transaksi membabitkan pembayaran da-

lam bentuk kewangan kepada ejen, penderang atau pengagih.

Bukan itu sahaja, Garis Panduan Spesifik e-Invois juga mengandungi maklumat lebih lanjut berkaitan transaksi rentas sempadan, pengagihan keuntungan, pendapatan luar negara, kadar tukaran mata wang asing, gambaran berkaitan *Application Programming Interface* (API) dan keselamatan siber.

Pembayar cukai boleh mengakses dan memuat turun garis pan-

duan umum dan spesifik ini menerusi pautan <https://www.hasil.gov.my/e-invois/>.

Dalam menyediakan maklumat komprehensif berkenaan pelaksanaan e-Invois di Malaysia, HASiL giat menjalankan jalinan kerjasama bersama pengamal percukaian dan badan profesional.

HASiL mengalu-alukan sebarang pandangan dan maklum balas berhubung pelaksanaan e-Invois menerusi e-mel rasmi myinvois@hasil.gov.my.